

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
SANTAPAN MALAM KERANA MERAIKAN PER-
PISAHAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG DAN D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI
AGONG DI SRI TAMAN KUALA LUMPUR PADA
6HB SEPTEMBER, 1975

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan
Agong,¹ Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Per-
maisuri Agong.²

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Patik berdua dan pacal-pacal sekalian Ahli-ahli Jemaah Menteri
serta isteri masing-masing menjunjung kasih yang amat sangat
terhadap Kebawah Duli Tuanku berdua kerana telah sudi men-
cemar duli berangkat hadir dalam Jamuan Santapan Malam yang
tidak sepertinya ini.

Ampun Tuanku,

Jamuan ini diadakan ialah untuk menzahirkan perasaan taat
setia patik-patik sekalian terhadap Kebawah Duli Tuanku sebagai
Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan perasaan sedih yang tidak
terhingga oleh sebab tidak lama lagi Kebawah Duli Tuanku akan
menamatkan pemerintahan Kebawah Duli Tuanku sebagai Yang
Di-Pertuan Agong dan akan berpisah dengan patik-patik sekalian.

Patik-patik sekalian berasa bertuah bahawa dalam masa peme-
rintahan Kebawah Duli Tuanku selama lima tahun, patik-patik
sekalian telah dapat menerima naungan, pimpinan serta tunjuk
ajar dari Kebawah Duli Tuanku. Dengan berkat daulat Kebawah
Duli Tuanku pada masa lima tahun ini, Kerajaan Malaysia telah
dapat menjalankan pemerintahan Negara ini dengan baik dan
teratur dan dapat pula membawa kemajuan-kemajuan dan per-
ubahan kepada rakyat jelata sekalian. Tak dapat tiada, pada masa

¹ D.Y.M.M. Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum
Sultan Badlishah.

² D.Y.M.M. Tuanku Bahiyah binti Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

ini Negara Malaysia yang kita kasihi ini adalah mempunyai nama yang cemerlang di kalangan bangsa-bangsa di dunia dan dasar luar kita yang bebas dan berkecuali itu telah disambut baik oleh semua negara besar dan kecil.

Ampun Tuanku,

Patik-patik sekalian sentiasa bangga dan bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa dalam masa lima tahun ini Kebawah Duli Tuanku telah melaksanakan tugas-tugas Kebawah Duli Tuanku dengan penuh dedikasi dan timbang rasa. Lawatan-lawatan Tuanku ke negeri-negeri lain telah dapat merapatkan Tuanku berdua dengan rakyat dan patik percaya bahawa rakyat mempunyai taat setia kasih sayang yang amat sangat terhadap Kebawah Duli Tuanku berdua.

Patik juga percaya mereka bersama-sama dengan patik-patik sekalian berasa sedih dan dukacita oleh sebab telah sampai masanya bagi Tuanku menamatkan pemerintahan sebagai Yang Di-Pertuan Agong. Patik-patik sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga dilanjutkan usia Kebawah Duli Tuanku berdua dan kekal memerintah Negeri Kedah dan patik-patik sekalian dapat meneruskan perhubungan dengan Kebawah Duli Tuanku serta menerima naungan dan pimpinan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

Ampun Tuanku,

Dalam Jamuan Santapan yang tidak sepertinya ini, patik bagi pihak Jemaah Menteri dengan sukacitanya menyembahkan sebuah cenderamata yang tidak seperti ini, iaitu sebuah talam yang di-tandatangani oleh semua Ahli-ahli Jemaah Menteri. Diharap cenderamata ini akan menjadi kenang-kenangan Kebawah Duli Tuanku di masa pemerintahan Tuanku sebagai Yang Di-Pertuan Agong. Begitu juga patik berharap cenderamata ini akan menjadi tanda taat setia dan penghargaan patik-patik sekalian terhadap Kebawah Duli Tuanku dan pemerintahan Tuanku yang cemerlang itu sebagai Yang Di-Pertuan Agong dari tahun 1970 hingga tahun 1975.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun.

